

▼01/09/21-38MST

U GB 01-09 00192 BB080

AAB

(ULANGAN)

MASANYA SUDAH TIBA UNTUK NAM DIUBAH, KATA MAHATHIR

NAM - Maha thi r

I

JAKARTA, 1 Sept (Bernama) -- Masanya sudah tiba untuk Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) diubah kerana jika tidak ia akan ketinggalan zaman dalam era selepas Perang Dingin, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Semasa berucap pada Sidang Kemuncak Ke-10 NAM di Pusat Konvensyen Jakarta di sini, Perdana Menteri berkata, sejarah kebelakangan ini dengan jelas menunjukkan bahawa dunia satu polar sama sahaja bahayanya dengan dunia dwi-polar,

+Selain daripada ketidakupayaan Bosnia yang begitu tragik, kita dapat melihat undang-undang antarabangsa dan kod etika tidak diendahkan langsung oleh negara-negara yang kuasa besar yang kuat, + katanya.

Dr Mahathir menyenaraikan banyak pelanggaran tatasusila antarabangsa oleh negara kaya dan kuat seperti menghantar anggota tenteranya untuk +menculik+ ketua kerajaan untuk menghadapi perbincangan mengikut undang-undang mereka dengan mengenakan undang-undang mereka ke atas yang lemah dan menyekat perkembangan ekonomi banyak negara dengan pelbagai cara.

+Sedangkan pada masa lepas, sesebuah negara tidak boleh campurtangan dalam hal ehwal dalam sesebuah negara lain, tetapi kini tindakan mencampuri hal ehwal dalam sesebuah negara dikatakan sebagai hak, walupun tidak di jempit. -- Lagi.

▼01/09/21-33MST

CNS5062

U GB 01-09 00155 BB078

AAB

'NAM - Mahathir 2 Jakarta

+Walaupun sebuah negara lemah tidak berupaya memeriksa rekod negara kuat, tidak terdapat sebarang had kepada pertimbangan dan seterusnya pencerobohan oleh negara yang kuat.

+Trendnya kini, selepas berakhirnya Perang Dingin ialah membuat pertimbangan dan tindakan secara diktator oleh mereka yang mampu membuat keputusan dan mengambil tindakan. Ini jelas menyimpang jauh daripada peruntukan undang-undang antarabangsa, + katanya.

Oleh itu, Dr Mahathir berkata, NAM hendaklah mengemulakan apa jua sedikit kekuatan yang ada padanya untuk +mengelakkan munculnya semula penjajahan barat yang lama.+

+Ia bukan bertujuan untuk berdepan dengan sesiapa kerana kumpulan ini tidak mampu berbuat demikian. Bagaimanapun kita perlu menjaga kepentingan kita dan tugas menjaga itu memerlukan sedikit tenaga, + kata Dr Mahathir.

+NAM mungkin perlu diberi nama lain untuk mencerminkan peranan barunya dalam dunia satu polar. NAM harus, miliki satu set prinsip yang baru. NAM perlu diberikan matlamat baru, + kata Dr Mahathir. -- Lagi.

▼01/09/21-27MST

CNS5063

U GB 01-09 00154 BB079

AAB

NAM - Mahathir 3 Jakarta

Sambil menasihati negara anggota pergerakan itu agar tidak mengangap NAM sudah ketingy'alan zaman, Dr Mahathir berkata, pergerakan itu relevan tetapi agak berbeza daripada semasa Perang Dingin.

Katanya, untuk menghadapi ancaman dan cabaran dunia satu polar maka negara-negara anggota perlu bergantung dengan lebih rapat antara satu sama lain.

+Bersamakita akan'dapat mengekalkan kemerdekaan dan keutuhan kita. Kita perlu membuat keputusan sendiri, kerana jikatidak keputusan itu akan dibuat untuk kita oleh pihak lain,+ jelasnya.

Dr Mahathir berkata,. sidang kemuncak itu memberi peluang untuk menentukan arah haluan baru selepas tamatnya perang dinginbagi menentukan peranan yang lebih berkesan dan bermakna dalam perkembangan politik antarabangsa yang sering berubah.

Katanya, Malaysia yakin bahawa dalam merancang masa depan NAM, beberapa pertimbangann serius hendkalah diberikan kepada kerjasama dalam ruang bukan politik khususnya kerjasama ekonomi dan perdagangan di kalangan negara-negara sedang membangun. -- Lagi.

♥01/09/21-29MST

CNS5067

U GB 01-09 00171 BB081

AAB

NAM - Mahathir 4 Jakarta

+Malaysia komited sepenuhnya kepada pelan bertindak pergerakan itubagi kerjasama ekonomi dan kepa'da rayuan yang dibuat pada sidang kemuncak lepas yang menggesa negara anggota membantu dan menggalakkan kerjasama Selatan-selatan yang lebih,+ katanya.

Katanya, asas perdagangan dan kerjasama ekonomi di kalangan negara Selatan yang ditetapkan G-15 hendaklah menarik minat dan menguntungkan anggota-anggota yang lain.

Dr Mahathir menegaskan bahawa seperti NAM, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu(PBB) juga perlu diubah.

+Mereka yang menang, dalam Perang Dunia Kedua tidak boleh dibenarkan secara berterusan mendatangkan kesan kepada kedudukan relatif negara-negara di dunia .

Katany, komposisi Majlis Keselamatan PBB mungkin sesuai sejurus selepas Perang Dunia Kedua tetapi komposisi itu kini sudah tidak sesuai lagi kerana ia mewakili penolakan kepada amalan demokrasi dalam hal ehwal antarabangsa.

+Ia menafikan hak majoriti. Kita tidak perlukan lebih ramai anggota tetap dengan kuasa veto mereka. Kita perlukan perwakilan yang adil jika tidak padaasas jumlah penduduk, sekurang-kurangnya atasasas kombinasi beberapa faktor yang relevan,+ katanya. -- Lagi.

♥01/09/21-34MST

NAM - Mahathir 5 (Akhir) Jakarta

Dr Mahathir berkata, seberang usaha untuk mewujudkan Orde Baru Dunia hendaklah turut meneliti bertambahnya ketidakseimbangan dalam sistem ekonomi antarabangsa yang mengakibatkan jurang perbezaan semakin luas antara negara kaya di Utara dan negara miskin di Selatan.

+Dasar Perlindungan dan subsidi oleh negara maju telah mengakibatkan negara sedang membangun kerugian AS\$500,000 juta setahun, 10 kali gahda jumlahbantuanasing kepada negara membangun.

+Tetapimasih dunia lebih memandang berat Indeks Kebebasan Manusia daripada kemiskinan dan kebuluran di Selatan,+ katanya. -- Bernama.

♥01/09/21-45MST